

24/11/2000

MDC rancang bantu Afrika bangun IT

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC) sedang berbincang dengan beberapa negara di selatan Afrika mengenai kemungkinan membantu mereka dalam bidang pembangunan teknologi maklumat (IT).

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata walaupun negara terbabit tergolong dalam negara miskin, mereka masih boleh menyertai era maklumat jika mereka mengambil langkah permulaan.

"Idea sebenar Malaysia ialah membuat langkah permulaan. Apa yang dilihat di sini adalah kemajuan yang dicapai sepanjang tempoh empat setengah tahun yang lalu," katanya di Langkawi, kelmarin.

Beliau berkata demikian kepada ketua negara selatan Afrika yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2000) ketika melawat pameran MDC yang menunjukkan pencapaian Malaysia dalam IT.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengiringi rombongan ketua-ketua itu melawat pameran terbabit. LID dimulakan lima tahun lalu dengan menggunakan konsep perkongsian pintar.

Pameran itu juga bertujuan memberi peluang kepada negara berkenaan untuk melihat kepada teknologi yang boleh diguna pakai di mana Malaysia boleh mengkhususkannya kepada mereka.

"MDC sudah mengadakan perbincangan dengan Lesotho, sebagai contoh bukan sekadar untuk menjual tetapi juga membantu meningkatkan produktiviti mereka," katanya.

Pameran itu juga boleh menggalakkan kerjasama di peringkat perniagaan agar negara boleh bekerjasama untuk memajukan teknologi.

"Dengan melihat semua ini, mereka merasakan kita begitu jauh ke hadapan tetapi empat setengah tahun lalu, kita tidak berada di tahap mana-manapun," katanya.

Othman berkata, MDC mengadakan perbincangan dengan beberapa delegasi seperti Algeria dan Mozambique yang akan melawat Koridor Raya Multimedia (MSC) sebelum mereka pulang ke negara masing-masing.

(END)